

08/01/2000

Kemeriahan sambutan Aidilfitri bantu pelihara perpaduan, keamanan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemimpin negara berharap kemeriahan Hari Raya Puasa yang disambut umat Islam dan turut disertai kaum lain akan terus memelihara perpaduan serta keamanan di Malaysia.

Malah, mereka berharap tradisi kunjung mengunjung dan rumah terbuka yang diamalkan diteruskan, sekali gus merapatkan perpaduan antara rakyat berbilang kaum dan agama.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berharap perpaduan dan keamanan yang dikecapi rakyat Malaysia sepanjang abad lalu akan terus berkekalan pada alaf baru ini.

Dalam perutusan hari raya beliau, Bernama melaporkan Samy Vellu berkata, keadaan negara yang aman dan ekonomi yang kembali pulih menjadi teras kepada kemajuan negara.

"Saya harap umat Islam dapat merayakan hari raya ini dalam keadaan meriah dan gembira. Hari raya pertama pada alaf baru ini pastinya istimewa bagi umat Islam," katanya.

Samy Vellu berkata, seluruh rakyat Malaysia perlu melupakan segala pertikaian dan salah faham yang berlaku sebelum dan semasa pilihan raya umum lalu sejajar dengan semangat Aidilfitri.

Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), N Siva Subramaniam dalam perutusan hari raya beliau berkata, kakitangan kerajaan harus berusaha meningkatkan produktiviti supaya negara dapat mencapai hasrat perkhidmatan terunggul di dunia.

Pembangunan Malaysia menghadapi alaf baru bergantung kepada kerjasama antara kakitangan kerajaan dan sektor swasta, katanya.

Siva berkata, Cuepacs yakin sempena hari raya ini, segala salah faham yang timbul sebelum pilihan raya dilupakan dan rakyat akan bekerja sebagai satu pasukan untuk membangunkan negara.

Pengerusi Kebangsaan DAP, Lim Kit Siang dalam perutusannya berkata, DAP sedia menunjukkan contoh berdamai demi pemulihan keadilan, kebebasan, demokrasi dan pentadbiran baik di Malaysia.

Beliau berkata demikian sebagai menyahut kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan Tahun Baru 2000 bahawa semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama atau kepercayaan politik bekerjasama demi kebaikan negara dengan menamatkan politik benci membenci dan pecah-belah.

"Dengan semangat ini, saya bercadang untuk melawat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin Umno serta pemimpin-pemimpin Barisan Alternatif di rumah terbuka mereka sempena hari raya," kata Lim.

Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock pula dalam perutusannya berharap Malaysia akan terus makmur pada alaf baru ini tidak kira parti politik mana yang memerintah.

"Yang pentingnya, rakyat mengecapi dan memperolehi apa yang baik untuk mereka," kata Kerk.

Sementara itu, Presiden Majlis Perunding Malaysia Bagi Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh, A Vaithilingam dalam perutusannya meminta orang ramai menghargai dan memahami kehidupan masyarakat pelbagai agama.

Beliau juga berdoa agar masyarakat pelbagai agama itu akan terus menikmati kebahagiaan dan kemakmuran serta terus hidup harmoni.

DI IPOH, rakyat Perak diminta terus bersatu serta memberi kepercayaan penuh kepada pimpinan negeri bagi merangka serta melaksanakan pelbagai

program pembangunan demi kepentingan semua pihak.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata, kerajaan negeri sukar melaksanakan program pembangunan tanpa kerjasama rakyat.

"Apa yang penting sekali ialah rakyat perlu merapatkan semula diri dalam satu barisan yang teguh dan bersatu padu supaya pertahanan kita tidak goyah dalam menghadapi cabaran akan datang.

"Kita hendaklah berdiri teguh dan memberi sepenuh kepercayaan kepada kerajaan negeri bagi merangka dan melaksanakan program pembangunan negeri," katanya.

DI GEORGETOWN, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya berkata, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (Jaipp) akan memperkenalkan kaedah lebih positif dan proaktif untuk mempertingkatkan daya ketahanan diri masyarakat, terutama golongan muda.

Ini kerana ketahanan diri akan menjadi senjata untuk menangkis gejala negatif yang sedang melanda negeri dan negara, katanya.

Sempena sambutan hari raya yang pertama bagi alaf baru ini, Dr Hilmi juga mengajak segenap lapisan masyarakat agar bertekad untuk meninggikan martabat bangsa dan agama.

(END)